

15/04/1998

Surat layang Internet salah guna teknologi

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan penyebaran surat layang menerusi Internet, yang semakin berleluasa sekarang sebagai penyalahgunaan teknologi itu.

Menurut Perdana Menteri, walaupun keadaan di Malaysia masih terkawal, pemberian lesen untuk berbuat apa saja tanpa dikawal sesiapa menyebabkan rakyat lebih cenderung terkeluar daripada landasan yang betul.

"Dalam Internet sekarang, kita boleh lihat surat layang dan pelbagai perkara lagi. Kita jangka dengan adanya Internet dan tanpa perlu penapisan, orang ramai akan bercakap benar tetapi mereka gunakan Internet untuk menyebarkan fitnah," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Mengenai Realiti Maya di sini hari ini.

Dr Mahathir diminta menghuraikan ucapannya sebelum itu bahawa teknologi baru seperti realiti maya, sama seperti ciptaan manusia lain yang boleh memanfaatkan atau memudaratkan manusia.

Realiti maya adalah teknologi baru yang diterokai bagi membolehkan penggunaannya, menerusi sistem deria rasa dan warna, menggambar, membina, mensimulasi dan menguji secara interaktif menggunakan teknologi komputer mengenai sesuatu keadaan atau sistem, sekalipun hasilnya tidak wujud secara fizikal.

Contoh sumbangan teknologi maya ialah proses pembuatan pesawat terbang termoden B777, yang diperbuat terus daripada lukisan dan gambar yang dicipta melalui komputer tanpa memerlukan mock up pesawat berkenaan.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri berkata, walaupun teknologi maya mempunyai banyak kebaikan yang berupaya meningkatkan ekonomi dan masyarakat, ia juga boleh membawa kesan negatif jika disalahgunakan.

Dr Mahathir turut meminta organisasi serta industri tempatan dan asing menubuhkan konsortium bagi melabur dalam Pusat Realiti Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) di Taman Teknologi Malaysia (TTM).

Pusat Realiti Unimas bertanggungjawab menjalankan penyelidikan dan pembangunan dalam realiti maya.

"Penubuhan Pusat Realiti Unimas di TTM ialah untuk menyokong penyelidikan dan pembangunan dalam realiti maya," katanya.

(END)